**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PAHANG**
Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609-516 4931
Laman Web : http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang

*Ruj. Tuan :*
ANM.PHG.600-15/2/15 Jld 2 (06)
*Ruj. Kami :*
27 Jun 2023
*Tarikh :*

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran**
**( Seperti di Lampiran A dan Lampiran B)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 10.1 Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 Tahun 2023),** PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit sehingga bulan Mei 2023 seperti di **Lampiran A dan Lampiran B.** Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Mei 2023.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Fatimah binti Sahak di talian 09-5915026.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**( BURHANUDIN BIN MOHD NOOR (C.A.M))**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang